

MRT: RM10,000 baik pulih kerosakan

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 25 JULAI

MASS Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd (MRT Corp) terpaksa membelanjakan RM10,000 untuk baik pulih kerosakan dalam tempoh seminggu perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) beroperasi gara-gara vandalisme.

Pengarah Strategik Komunikasi dan Pihak Berkepentingan MRT Corp., Datuk Najmuddin Abdullah memberitahu, kos perbelanjaan itu sepatutnya digunakan untuk penambahbaikan infrastruktur untuk kesesuaian pengguna namun apa yang terjadi adalah sebaliknya.

“Kita perlu mengeluarkan kos yang banyak jika masalah ini tidak dikawal.

Cuba bayangkan berapa perlu dibazirkan dalam tempoh lima tahun sekiranya setiap minggu RM10,000 untuk tujuan tersebut?

“Biasanya, vandalisme ini tertumpu kepada stesen bawah tanah yang mana berada di sekitar pusat bandar sekali gus menerima jumlah penumpang yang lebih ramai,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai kerosakan kemudahan awam serta fasiliti di stesen MRT yang baharu sahaja seminggu beroperasi dan dipercayai dilakukan secara khianat oleh pihak tidak bertanggungjawab selain tular tindakan seorang ibu yang menggantung buaian anaknya di dalam pengangkutan awam itu.

Masalah tersebut turut menjadi tular di media sosial yang memaparkan kerusi yang ditoreh dan dinding yang dica-



Kita perlu mengeluarkan kos yang banyak jika masalah ini tidak dikawal. Cuba bayangkan berapa perlu dibazirkan dalam tempoh lima tahun sekiranya setiap minggu RM10,000 untuk tujuan tersebut?

NAJMUDDIN ABDULLAH
Pengarah Strategik
Komunikasi dan Pihak
Berkepentingan MRT Corp.



**NAJMUDDIN
ABDULLAH**

lar serta salah guna seperti menjadikan palang besi sebagai tempat buaian anak serta bergayut pada tempat pemegang.

Tambah Najmuddin, antara kemudahan perlu dibaiki serta ditukar adalah mangkuk tandas dan tempat duduk patah yang boleh mencederakan orang ramai.

“Saya terkilan dan kesal dengan sikap tidak bertanggungjawab sesetengah masyarakat yang mentaliti mereka sepatutnya selari dengan kemajuan pada masa kini.

“Pembangunan yang dilakukan oleh negara ini bukannya untuk jangka masa pendek tetapi diharap berguna kepada anak cucu akan datang. Di luar negara, kemudahan yang dibina masih elok walaupun sudah mencecah puluhan tahun,” katanya.